

11 MAR 2001

Samy-Gaduh (Bergambar)

SAMY VELLU JUMPA PENDUDUK TAMAN DESARIA, MINTA SEMUA PIHAK SABAR

PETALING JAYA, 11 Mac (Bernama) -- Presiden MIC Datuk Seri S.Samy Vellu hari ini mengadakan perjumpaan dengan kira-kira 500 penduduk Taman Desaria, sebuah daripada kawasan penempatan sekitar Jalan Klang Lama di sini di mana berlaku pergaduhan antara dua kumpulan penduduk sejak Khamis lepas.

Dalam pertemuan dengan penduduk Fasa 5A di dewan orang ramai taman tersebut, beliau meminta mereka supaya bersabar dan menyerahkan kepada pihak berkuasa untuk menyelesaikan sebarang masalah yang timbul.

"Saya minta semua pihak supaya bersabar kerana kerajaan akan berusaha selesaikan masalah," katanya.

Sambil menyifatkan pertikaian yang timbul sebagai masalah keluarga, beliau menyatakan rasa puas hati dengan persetujuan penduduk untuk berbincang bagi menyelesaikan masalah mereka.

Taman Desaria dan beberapa kawasan penempatan sekitar Jalan Klang Lama menjadi tumpuan sejak Khamis lepas ekoran pergaduhan dua kumpulan penduduk yang sehingga kini meragut lima nyawa dan mencederakan 37 orang.

Keadaan di kawasan berkenaan kini dilaporkan kembali tenang ekoran tindakan pantas polis mengawal keadaan.

Pada pertemuan itu, Samy Vellu, yang juga Menteri Kerja Raya, berkata beliau bercadang melawat kawasan itu semalam tetapi membatalkannya atas sebab keselamatan.

Samy Vellu juga memberi jaminan akan membangkitkan masalah penduduk kawasan itu kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi agar usaha dapat dilakukan segera bagi memperbaiki keadaan.

Beliau berkata pergaduhan di kawasan-kawasan berkenaan berlaku akibat sedikit salah faham.

Mengenai masalah penduduk yang masih belum mendapat rumah walaupun telah tinggal di kawasan itu antara 10 hingga 15 tahun, beliau menasihati mereka supaya menanggapi ini sebagai masalah sementara.

Samy Vellu kemudian melawat Kampung Lindungan Jaya dan mengadakan pertemuan dengan penduduk kawasan itu.

Pada pertemuan itu, Samy Vellu menghulurkan sumbangan RM5,000 untuk mengadakan jamuan muhibah bagi perpaduan penduduk kawasan itu. Presiden Parti Progresif Rakyat (PPP) Datuk M.Kayveas turut serta dalam lawatan itu.

-- BERNAMA

SHI AKT ES AKD